

07 AUG 1997

Mahathir - Asean (dengan gambar)

MAHATHIR: ASEAN KINI BERJAYA SETELAH MEREDAH RANJAU PADA AWALNYA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean telah dapat mengatasi gambaran masa depan yang gelap pada awal penubuhannya untuk muncul menjadi satu daripada perkumpulan yang paling padu di dunia.

Katanya walaupun menghadapi pelbagai masalah pada awalnya, para pemimpin Asean dapat menanganinya untuk menjadikan ia sebuah pertubuhan yang berjaya, dan bukan sahaja daripada segi kerjasama ekonomi, yang tidak pernah menjadi objektif utamanya.

"Saya harus akui bahawa semasa Asean pertama kali dibentuk, saya tidak terlalu menaruh harapan yang ia akan berjaya," kata Perdana Menteri.

"Terlalu banyak perselisihan antara pihak-pihak yang memasuki perjanjian itu...perselisihan besar. Tidak mungkin mereka boleh bekerjasama tetapi kini saya harus akui yang saya tersilap."

Dr Mahathir berkata demikian dalam satu wawancara khas dengan Bernama sempena sambutan ulangtahun ke-30 penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean) esok.

Deklarasi Bangkok untuk menubuhkan perkumpulan serantau itu ditandatangani pada 8 Ogos 1967 oleh lima anggota pengasas -- Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Brunei Darussalam menyertai Asean pada 1984 sementara Vietnam diterima masuk pada 1995 untuk menjadikan Asean 7.

Ia sepatutnya menjadi Asean 10 (merangkumi semua negara Asia Tenggara) bulan lepas dengan kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar. Bagaimanapun sementara Laos dan Myanmar kini menjadi anggota, kemasukan Kemboja ditangguhkan kerana perebutan kuasa dalam negara itu.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir bercakap mengenai harapan dan kebimbangannya mengenai rantau ini dan mengulas tentang kemungkinan berlaku konflik di kalangan negara yang menuntut pulau-pulau terumbu karang Spratly, dasar hubungan membina Asean terhadap Myanmar, kewujudan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, pertemuan multimedia di kalangan anggota Asean dan reformasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Mahathir berkata semasa Asean ditubuhkan, ia pada asasnya bagi membantu menyelesaikan masalah antara negara jiran.

Terdapat semacam satu ketegangan tetapi Asean menyediakan satu forum untuk menyelesaikan masalah-masalah itu, jika tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya bagi mengurangkan ketegangan itu.

Negara-negara anggota mempelajari antara satu sama lain apakah pendekatan yang terbaik.

Pada mulanya, mungkin kerana semangat kemerdekaan dan kebangsaan, negara tertentu menolak penyertaan asing dalam ekonomi mereka, tetapi apabila terbukti pelaburan asing boleh menyumbang terhadap pembangunan sesebuah negara, mereka menerimanya.

Ekoran itu kesemua negara Asean membuka ekonomi mereka kepada pelabur asing dan ini menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya kemakmuran.

Dengan pemindahan teknologi, negara-negara Asean sendiri mampu untuk turut serta dalam perindustrian.

"Oleh itu boleh saya katakan sejak 30 tahun lepas, gambaran gelap pada awalnya telah diatasi dan Asean kini muncul menjadi satu daripada perkumpulan paling padu di dunia," kata Dr Mahathir yang akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat tidak rasmi ketua-ketua kerajaan Asean pada Disember.

Mengenai kebimbangannya tentang rantau ini, Dr Mahathir berkata Asean perlu berwaspada terhadap usaha pihak luar untuk menguasai ekonomi mereka.

"Kita sedang bergerak ke dalam apa yang disebut sebagai era maklumat dan dunia yang tiada sempadan. Kita perlu membuka ekonomi kita (tetapi) syarikat dan perbadanan kita belum cukup kukuh lagi untuk bersaing dengan syarikat-syarikat dari luar.

"Terdapat bahaya sebenar yang ekonomi kita akan dikuasai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat asing dengan jumlah wang yang banyak dan teknologi yang hebat.

"Sebagai contoh mereka dengan mudah boleh menguasai industri telekomunikasi kita tanpa meninggalkan apa-apa untuk kita. Mereka boleh menguasai media kita sepenuhnya kerana media mereka sangat kuat.

"Mereka mempunyai wang...mereka boleh membeli apa saja (dengan) membuat tawaran yang tidak boleh ditolak.

"Jadi akhirnya orang yang kaya dari luar boleh menguasai mereka yang miskin di negara-neagra seperti Asean. Kita telahpun melihatnya daripada cara (ahli kewangan Amerika Syarikat, George) Soros cuba melemahkan Asean (dengan menggugat matawang mereka).

"Kita telah berusaha selama 30 tahun untuk membina ekonomi yang baik. Rakyat kita menikmati kehidupan yang agak baik tetapi dalam hanya beberapa hari, pendapatan orang yang paling miskin pun telah dikurangkan.

"Mereka menjadi lebih miskin sebanyak jumlah kerugian yang kita alami...beribu juta ringgit hilang dalam jangka masa beberapa hari. Sedangkan anda tahu, kita mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk membina negara. Jadi inilah yang saya bimbang."

Beliau berkata satu-satunya cara Asean boleh bertindak balas ialah dengan bertindak bersama.

Mengenai kemungkinan berlaku konflik dalam masalah tuntutan wilayah kepulauan Spratly, terutama dengan negara terbesar yang menuntut, China, Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir akan berlaku konflik terbuka.

Katanya mungkin akan terdapat ketegangan tetapi konflik terbuka adalah sesuatu yang beliau tidak ramalkan.

"Kita boleh berunding dengan China untuk menyelesaikan keseluruhan masalah ini," katanya.

China, Malaysia, Filipina, Vietnam, Taiwan dan Brunei membuat tuntutan terhadap sebahagian atau keseluruhan kepulauan terumbu karang di Laut China Selatan itu yang dipercayai kaya dengan minyak dan sumber-sumber lain.

Dr Mahathir juga menyangkal dakwaan bahawa dasar hubungan konstruktif Asean terhadap Myanmar tidak berkesan dalam membawa pembaharuan di negara itu.

"Tidak, sebaliknya ia amat berkesan. Anda mungkin ingat bahawa di bawah kerajaan terdahulu sebelum SLORC (Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar), kerajaan itu menyendiri, ia enggan langsung berhubungan dengan sesiapa," katanya.

"Mereka mengamalkan dasar pemencilan (isolationist) tetapi selepas itu...sebahagiannya kerana desakan dalaman tetapi sebahagian lagi hasil daripada hubungan dengan Asean... mereka telah lihat bahawa cara negara-negara Asean membangun memberi harapan kepada Myanmar untuk turut membangun.

"Oleh itu mereka telah banyak berubah. Mereka kini mempunyai hubungan dengan semua orang. Mereka bersedia menjadi anggota sebuah komuniti sedangkan sebelum ini mereka memencilkan diri.

"Mereka bersedia menerima pelaburan asing, penyertaan asing dalam ekonomi mereka.

"Mereka lebih maju kini dan saya tidak nampak bagaimana seseorang itu boleh mengatakan hubungan secara langsung ini tidak membuahkan hasil. Ia sangat berhasil."

Mengenai kebimbangan bahawa Apec akan menjadi lebih penting daripada Asean semasa ia pertama kali diutarakan, Dr Mahathir berkata adalah benar Apec setakat yang tertentu, telah membayangi Asean.

"Itu memang tidak dapat dinafikan. Kita menganggotai Apec bukan sebagai satu perkumpulan tetapi sebagai negara individu. Tetapi memang kita tidak boleh mengelakkan Apec kerana ia diwujudkan oleh negara-negara yang berkuasa. Jika kita tidak menyertainya, kita akan terpinggir," katanya.

Dr Mahathir tidak mengetepikan kemungkinan satu pertemuan multimedia akan wujud di kalangan negara-negara Asean pada masa depan dengan Malaysia menonjolkan projek Koridor Raya Multimedianya (MSC), Singapura dengan program Teknologi Maklumat dan Filipina dengan skim sibernya sendiri.

"Saya fikir akan ada (satu pertemuan). Malah MSC telah membuat peruntukan bagi kerjasama dengan projek-projek serupa di tempat lain. Kita tahu yang kita tidak akan mempunyai monopoli. Jadi jika terdapat projek-projek di tempat lain, kita bersedia untuk bekerjasama.

"Malah kita bersedia bekerjasama dengan negara-negara Eropah. Seperti Hungary misalnya, kita telah menandatangani satu perjanjian untuk bekerjasama dengan mereka."

Mengulas cadangan supaya perkumpulan serantau seperti Asean diberikan kerusi tetap dalam pembesaran Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu idea baik tetapi perkumpulan itu juga harus diberikan kuasa veto.

"(Ini) supaya kita juga boleh menghalang pihak yang lain daripada melakukan apa yang kita rasakan mendatangkan keburukan kepada kita. Sebaliknya, kita berpendapat tiada siapapun sepatutnya diberikan sebarang kuasa veto. Ataupun jika kita perlu juga mempunyai veto itu, ia tidak boleh digunakan oleh hanya satu kumpulan." -- BERNAMA

SJ RON